

## TALKING POINTS MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB

### SESI PENYERAHAN DOKUMEN PEMATUHAN DAN AKUJANJI SERTA KEPUTUSAN PELESENAN VESEL PENANGKAPAN IKAN ZON C DAN C2

1. Rekod pengeluaran sektor perikanan di Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 1.477 juta tan metrik dengan nilai RM14.8 bilion serta menyumbang pada kadar 12.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.
2. Manakala bilangan vesel laut dalam (zon C2) yang beroperasi dan dilesenkan di seluruh negara bagi tahun 2018 pula adalah sebanyak 696 unit dengan kuantiti pendaratan berjumlah 260,140.06 tan metrik bernilai RM1.47 bilion manakala bagi vesel penangkapan ikan zon C sebanyak 1,913 vesel telah dilesenkan dengan kuantiti pendaratan berjumlah 399,252.14 tan metrik bernilai RM2.77 bilion.
3. Pengurusan sumber perikanan secara mampan penting bagi memastikan kelangsungan industri perikanan negara. Oleh sebab itu, kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas dan berterusan dalam menangani aktiviti *Illegal Unreported & Unregulated (IUU) Fishing* terutama bagi **isu vesel penangkapan ikan bukan asal** yang dilesenkan oleh Jabatan atau **vesel klon dan vesel yang tidak mematuhi syarat pelesenan** contohnya vesel mendaratkan ikan ke luar negara, pindah-kapal ikan vesel di tengah laut dan pencerobohan vesel di zon kecil.
4. Disebabkan perkara-perkara tersebut, pemantauan dan pemeriksaan secara konsisten terhadap aktiviti vesel penangkapan ikan ini perlu dibuat secara holistik bagi membendung aktiviti *IUU* ini yang sering dibincangkan di platform antarabangsa.

5. Rayuan lesen vesel penangkapan ikan ini kebanyakannya berkait dengan isu pembaharuan lesen yang tidak memenuhi syarat sebagai contoh vesel yang **gagal memenuhi syarat asas iaitu vesel disyaki bukan vesel asal dan tidak layak layar**; vesel tidak mematuhi undang-undang dan syarat pelesenan yang ditetapkan iaitu **vesel dikesan ke luar dari sempadan ZEE negara** dan mendaratkan ikan di luar negara atau vesel dikesan melakukan pukut ganding; selain isu jumlah pendaratan ikan (LOV) dan keaktifan peratusan alat *Mobile Tracking Unit* (MTU) yang tidak mencapai syarat minima ditetapkan oleh Jabatan bagi vesel laut dalam zon C2 selain isu tidak memperbaharui lesen melebihi tempoh tiga tahun berturut-turut.
6. Prestasi vesel penangkapan ikan yang tidak melayakkan untuk pengusaha vesel terus beroperasi menangkap ikan ini, namun kerajaan melalui MOA dan DOF telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pengusaha-pengusaha vesel ini untuk **memperbaharui lesen bagi tempoh satu tahun dengan bersyarat**. Ini bagi memastikan pengusaha vesel terus diberi peluang untuk memajukan industri perikanan negara.
7. Keputusan bersyarat ini juga adalah selaras dengan penggalakan dasar bina baru vesel/vesel terpakai tempatan melalui pemodenan vesel yang disyorkan oleh pihak DOF dan MOA untuk pengurusan sumber perikanan yang lebih mampan. Diharapkan dengan peluang kali ini melalui kelulusan yang diberi berserta surat akuan bersumpah dan akujanji pada hari ini, pemilik vesel terus mematuhi undang-undang dan syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi kelestarian perikanan negara dan pembangunan industri perikanan sewajarnya.